

Wajib bahasa Mandarin satu diskriminasi

MELAKA 31 Mei – Syarat yang dikenakan syarikat swasta seperti mewajibkan penguasaan bahasa Mandarin dalam kriteria pengambilan pekerja adalah satu diskriminasi yang tidak wajar berlaku, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam hari ini.

Beliau berkata, syarat seperti itu menyekat peluang mereka yang tidak boleh berbahasa Mandarin.

“Saya fikir tidak patut mana-mana syarikat mengenakan syarat mesti boleh menguasai Mandarin terutama di kalangan bangsa Melayu dan bangsa India.

“Malahan ada orang Cina pun tidak boleh berbahasa Mandarin,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Timbalan Perdana Menteri mahukan syarikat swasta menghentikan perbuatan meletakkan syarat berat sebelah dalam kriteria pengambilan pekerja mereka seperti mewajibkan penguasaan bahasa Mandarin.

Najib berkata, walaupun menjadi hak majikan untuk menentukan pengambilan pekerja, mereka seharusnya lebih ter-

buka dan tidak meletakkan syarat yang memberi kelebihan kepada sesuatu pihak.

Mohd. Ali yang juga Naib Presiden UMNO berkata, mereka yang dikenakan syarat seperti itu boleh mengemukakan kepada kerajaan negeri.

“Kita akan panggil syarikat terbabit dan nasihatkan mereka supaya tidak mengenakan syarat

itu,” katanya.

Beliau berkata, kalau para pekerja yang digaji oleh sesuatu syarikat digalakkan menguasai bahasa Mandarin, ini boleh diterima.

“Saya juga pernah belajar bahasa Mandarin,” katanya.

– Bernama